

22 NOV 1997

Koh-Ekonomi

KERAJAAN NEGERI HIDUPKAN SEMULA MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGERI

PULAU PINANG, 22 Nov (Bernama) -- Kerajaan negeri akan menghidupkan semula Majlis Perundingan Ekonomi Pulau Pinang, yang berfungsi dari 1990 hingga 1993, bagi membantu kerajaan merangka pelan pembangunan dalam menghadapi cabaran ekonomi.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata majlis itu akan berfungsi semula bagi tempoh 10 tahun mulai 2000 berdasarkan pelan sedia ada sebagai arah panduan proses pembangunan negeri.

"Selain kerajaan negeri, majlis itu akan dianggotai wakil dari pihak swasta termasuk dewan perniagaan, pertubuhan ekonomi serta agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan ekonomi," katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN) di sini, hari ini.

Beliau berkata pihak swasta digalakkan memainkan peranan penting dengan mengadakan kajian dan perbincangan bagi mengambil langkah perlu menangani masalah dan cabaran ekonomi.

Sehubungan itu, katanya dua lagi majlis di bawah Majlis Perundingan Ekonomi itu akan ditubuhkan menjadikan kesemuanya sembilan majlis untuk menggiatkan pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Majlis itu ialah Majlis Sektor Pembinaan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar dan Majlis Pertanian Industri Agro yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan dan Alam Sekitar Negeri, Datuk Abdul Rashid Abdullah.

Tujuh majlis lain ialah Majlis Perindustrian, Majlis Perdagangan, Majlis Pelancongan, Majlis Pembangunan Sumber Tenaga Manusia, Majlis Alam Sekitar, Majlis Pembangunan Usahawan dan Majlis Pendidikan.

Koh berkata Majlis Pelancongan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Hal Ehwal Wanita Negeri, Datuk Kee Phaik Cheen, juga diminta mempergiatkan promosi sektor pelancongan yang teruk terjejas akibat jerebu dan krisis ekonomi.

Katanya pelancongan, yang merupakan penyumbang kedua kepada pertumbuhan ekonomi negeri selepas perindustrian, perlu melakukan pelbagai usaha dan promosi untuk menarik pelancong asing ke negeri ini.

Beliau juga berkata Anggota-anggota Dewan Undangan Negeri BN turut memutuskan untuk mengemukakan usul pada persidangan Dewan Undangan Negeri Isnin ini bagi memberi sokongan padu kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Selain itu, katanya, mereka turut menyokong pucuk pimpinan negara dalam usaha menghadapi serangan ekonomi dan cabaran ekonomi yang dihadapi negara masa kini. -- BERNAMA

SA AA NAK